

09/10/2001

Skim pilihan baru KWSP untuk pesara

Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Isnin - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mengendalikan satu skim pilihan baru yang memberikan pendapatan bulanan selepas persaraan kepada ahlinya.

Pengurus Perhubungan Awam KWSP, Nik Affendi Jaafar, berkata skim baru itu adalah lanjutan daripada keputusan kerajaan supaya KWSP mengambil alih sepenuhnya pentadbiran Skim Anuiti yang sebelum ini dilaksanakan lapan syarikat insurans, termasuk dua institusi takaful.

"Buat masa ini KWSP sedang menyediakan garis panduan untuk melaksanakan skim baru itu dan akan mengumumkannya tidak lama lagi," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, skim baru itu adalah pembaharuan kepada Skim Pengeluaran Bayaran Berkala yang diperkenalkan kepada pencarum sejak 1994.

Menerusi skim itu, bayaran pengeluaran akan dibuat setiap bulan dan syarat utama ialah ahli mesti berumur 55 tahun dan sekurang-kurangnya mempunyai simpanan berjumlah RM12,000.

Jumlah itu diperlukan untuk membolehkan ahli mendapat bayaran sekurang-kurangnya RM200 sebulan selama tempoh lima tahun. Bayaran bulanan itu juga akan dicampur dengan dividen ke atas simpanannya.

Nik Affendi berkata, walaupun KWSP tidak lagi mengambil penyertaan baru bagi Skim Anuiti, pencarum skim itu yang berjumlah 286,000 ahli tetap akan terus menikmati faedah daripada skim itu.

"Skim ini masih diteruskan seperti ditetapkan di bawah syarat-syarat penyertaan untuk mereka yang menjadi ahli," katanya.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa KWSP akan mengambil alih sepenuhnya Skim Anuiti daripada lapan syarikat insurans yang sebelum ini dilantik sebagai ejen.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, keputusan itu dibuat selepas kerajaan mengkaji bantahan beberapa pihak dan berpendapat keputusan berkenaan adalah penyelesaian terbaik.

Skim anuiti yang diperkenalkan Julai 2000, ditangguhkan Mei lalu, berikutan bantahan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Ia adalah program persaraan yang mana sebahagian caruman pekerja, dengan kebenaran pencarum, akan diurus dan diagihkan seperti skim pencen setiap bulan selepas bersara.

(END)